

Suruhanjaya A.S. bagi Kebebasan Beragama Antarabangsa (U.S. Commission on International Religious Freedom, USCIRF) adalah badan berkecuali yang berasingan daripada Jabatan Negara. USCIRF ditubuhkan oleh Kongres Amerika Syarikat sebagai badan nasihat dwiparti kerajaan A.S. yang bebas. Tujuannya adalah untuk memantau kebebasan beragama di seluruh dunia dan menasihatkan Presiden, Setiausaha Negara dan Kongres sewaktu pembentukan dasar. Saranan badan ini berasaskan mandat mengikut undang-undang dan piawai yang terkandung dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat serta dokumen antarabangsa lain. Laporan Tahunan 2016 merumuskan kerja yang dilakukan pada tahun lepas oleh Pesuruhjaya dan kakitangan profesional untuk mendokumenkan pelanggaran hak kebebasan beragama dari sudut akar umbi dan membuat cadangan berkecuali kepada kerajaan A.S. Laporan ini meliputi tempoh 1 Februari 2015 hingga 29 Februari 2016. Walaupun demikian, beberapa peristiwa penting yang berlaku selepas jangka masa ini juga disebut.

Malaysia

Temuan Utama: Pada 2015, ramai pihak dari kerajaan Malaysia, parti politik dan kepimpinan agama mengagung-agungkan kepercayaan Islam dan identiti Melayu dalam cara yang mengancam kebebasan beragama. Individu dan kumpulan tersebut bukan sahaja bertindak keras terhadap aktiviti, pernyataan malah pertentangan pendapat berkaitan dengan agama, tetapi berikhtiar untuk mengembangkan pengaruh Islam dalam undang-undang dan amalan Malaysia serta menghukum sesiapa sahaja yang dianggap mengkritik agenda politik mereka. Agenda ini dilaksanakan melalui penangkapan mengikut Akta Hasutan, yang telah diperkukuhkan lagi pada 2015, usaha untuk mengembangkan hukuman Syariah, kekaburan bidang kuasa antara mahkamah sivil dan Syariah, serta memanipulasikan Islam untuk tujuan politik. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga masih mengharamkan agama yang dianggapnya "melencong", termasuk masyarakat Islam Syiah, Islam Ahmadiyah, Baha'i dan Al-Arqam. Jika dilihat bersama, kesemua arah aliran ini mengurangkan perlindungan dari segi undang-undang untuk minoriti etnik dan agama, warga bukan Islam dan bukan Islam Sunni. Berdasarkan kebimbangan di atas, pada 2016 USCIRF sekali lagi meletakkan Malaysia dalam Peringkat 2, iaitu tahap yang sama semenjak 2014. USCIRF akan mengawasi situasi di Malaysia dengan rapi untuk melihat jika perkembangan negatif ini tetap berterusan. Dapatannya akan digunakan untuk menilai status negara tersebut pada tahun akan datang.

Latar Belakang

Lebih 61 peratus daripada jumlah populasi negara Malaysia, iaitu 30.5 juta orang, beragama Islam. Hampir 20 peratus beragama Buddha, lebih sembilan peratus beragama Kristian dan lebih enam peratus beragama Hindu. Kira-kira satu peratus atau kurang mengamalkan Konfusianisme, Taoisme atau kepercayaan lain. Segolongan kecil warga Malaysia menganut Sikhisme, Baha'i dan animisme. Kumpulan agama yang dianggap "melencong", seperti golongan Islam Syiah, Islam Ahmadiyah, Baha'i dan Al-Arqam diharamkan sama sekali. Kerajaan atau mahkamah

Syariah peringkat negeri boleh memaksa individu yang dianggap telah melencong daripada Islam Sunni, termasuk individu daripada mazhab "melencong" atau warga yang meninggalkan Islam, memasuki kem tahanan yang dipanggil pusat "pemulihan" dan/atau mendakwa mereka di mahkamah untuk jenayah kemurtadan, yang membawa hukuman penjara atau denda.

Politik Malaysia berakar umbikan identiti etnik dan agama. Pengaruh ini menghasilkan sistem yang melebihkan kerajaan yang didominasi parti pemerintah dan majoriti Islam Sunni Melayu, tetapi menindas minoriti etnik dan agama. Walaupun Malaysia secara rasminya bersifat sekular, ia mengamalkan aliran Islam yang semakin eksklusif. Idea ini diteguhkan lagi dengan penubuhan Islam dalam perlembagaan negara sebagai agama rasmi Malaysia. Perdana Menteri Najib Razak serta pakatan Barisan Nasional, iaitu parti pemerintah Malaysia, tegas menentang ancaman politik dan menggalakkan imejnya sebagai pejuang Islam. Mereka bertindak keras terhadap individu yang menyatakan pertentangan pendapat atau kritikan, sambil mendakwa pihak tersebut menyerang Islam.

Kebelakangan ini, pesaing politik dan ahli masyarakat sivil telah menambah kritikan mereka terhadap kerajaan pemerintah secara lebih terbuka, sering kali melalui media sosial. Mereka memanggil untuk pengurangan rasuah dan kerajaan yang lebih telus. Antara pernyataan ketidakpuasan hati rakyat Malaysia yang paling dikenali ialah pergerakan Bersih. Bersih meminta Perdana Menteri meletak jawatan selepas hampir \$700 juta daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB), sebuah dana kekayaan Malaysia, dijumpai dalam akaun bank peribadinya. Dalam contoh yang lain, pada 16 Mac 2015, pihak polis menahan Nurul Izzah Anwar selepas beliau mengkritik Mahkamah Persekutuan kerana mengesahkan hukuman terhadap bapanya, Anwar Ibrahim, seorang pemimpin pihak pembangkang. Sabitannya pada Februari 2015 membawa hukuman penjara selama lima tahun dan melarangnya daripada memegang jawatan dipilih untuk tempoh lima tahun selepas itu.

Pada Ogos 2015, delegasi yang diketuai oleh Pesuruhjaya USCIRF telah melawat Malaysia dan berjumpa dengan pegawai kerajaan, wakil agama dan organisasi masyarakat sivil di ibu kota Kuala Lumpur, serta pusat pentadbiran Putrajaya.

Syarat Kebebasan Beragama 2015-2016

Syarat Umum: Walaupun warga Malaysia secara biasanya bebas beragama, terdapat golongan di dalam dan di luar kerajaan yang mengeksploitasi politik dan keetnikan untuk mencipta pertentangan. Menurut perlembagaan Malaysia, warga Melayu etnik – kumpulan etnik terbesar – ditakrifkan sebagai penganut Islam. Secara praktik, kerajaan Malaysia hanya menyokong mazhab Islam Sunni. Dana disalurkan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) persekutuan untuk membiayai kebanyakan masjid dan imam serta mengarahkan topik utama khutbah mereka, yang sering mencerca golongan minoriti agama seperti penganut Islam Syiah.

Pihak kerajaan dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), iaitu parti Islam terbesar negara, menghantar individu ke Arab Saudi untuk latihan agama. Di situ, mereka jatuh di bawah pengaruh pemikiran yang lebih literal dan terjemahan Islam Sunni yang lebih tegas. Apabila mereka kembali ke Malaysia, mereka mendorong kebimbangan yang Islam di Malaysia kian bersifat Arab.

Meskipun gangguan atau serangan terhadap tempat beribadat bukan Islam jarang berlaku, namun, hakikatnya isu ini masih mewujudkan masalah. Warga bukan Islam juga melaporkan kesusahan ketika memohon kebenaran kerajaan untuk membina tempat beribadat. Contohnya, pada April 2015, desakan kuat daripada kira-kira 50 pembantah beragama Islam memaksa sebuah gereja Kristian di Taman Medan di negeri Selangor untuk menurunkan salib dari bumbungnya. Satu perkembangan positif yang berlaku ialah pihak kerajaan pusat memanggil untuk siasatan polis. Pemimpin setempat pula segera mengadakan pertemuan dengan ahli masyarakat berkepentingan. Pada akhir bulan Mei, gereja itu membuat rancangan untuk memasang salib di atas bumbungnya semula. Siasatan dalam kejadian ini ditamatkan secara rasmi pada Disember 2015. Tindakan lanjut tidak diambil terhadap pembantah terbabit.

Majlis agama negeri dan persekutuan kini sering mengeluarkan *fatwa* (edik agama) yang dikuatkuasakan sebagai undang-undang sebenar. Pada 2014, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengeluarkan *fatwa* yang mengisytiharkan bahawa Sisters in Islam (SIS), sebuah organisasi masyarakat sivil Malaysia, "melencong" daripada Islam. *Fatwa* tersebut mengupayakan MAIS untuk menghalang laman web SIS dan merampas terbitannya. SIS memfailkan kajian semula kehakiman untuk menentang keberlembagaan *fatwa* itu. Walaupun perbicaraan pada mulanya ditetapkan untuk November 2015, Mahkamah Tinggi kini dijangka membicarakan kes mereka pada Jun 2016.

Atas sebab membendung peningkatan jumlah warga Malaysia yang diketahui bekerja atau berkomplot dengan Negeri Islam Iraq dan Syam (ISIL) dan menghalang serangan domestik atau serangan berkaitan dengan ISIL, parlimen telah meluluskan Akta Pencegahan Keganasan pada April 2015. Akta itu mengembalikan penahanan tanpa bicara untuk tempoh tidak terbatas, tindakan yang sering dilanda kontroversi dan sepatutnya tamat apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berjaya dimansuhkan pada 2012. Pada 22 Disember, Dewan Rakyat Malaysia meluluskan Akta Majlis Keselamatan Negara yang memberi kuasa luas kepada perdana menteri untuk membenarkan penahanan tanpa waran.

Had Terhadap Hak Beragama dan Bersuara: Sepanjang 2015, kerajaan Malaysia terus menyekat kebebasan bersuara dan beragama. Penganut Islam dibenarkan untuk berdakwah kepada warga bukan Islam, tetapi bukan sebaliknya. Kemurtadan, yang dianggap berdosa oleh pihak berkuasa Islam, telah diisytiharkan sebagai kesalahan hukum bunuh di beberapa negeri. Akta Hasutan yang penuh dengan fasal kabur dipinda pada 2015 untuk memanjangkan tempoh

hukuman penjara dan penalti lain. Akta tersebut sering digunakan untuk menyekat pembangkang politik dan agama. Di samping itu, pihak berkuasa meningkatkan tindakan terhadap individu yang berkongsi pendapatnya dalam talian. Salah satu fasal dalam pindaan 2015 meluaskan bidang kuasa Akta Hasutan untuk meliputi sebarang jenis penghinaan terhadap Islam.

Pada Mac 2015, pihak polis menahan lima orang wartawan yang bekerja dengan portal berita dalam talian *The Malaysian Insider* di bawah Akta Hasutan. Sebab yang diberikan ialah penerbitan artikel tentang kedudukan sembilan Sultan Malaysia berkenaan usul untuk melaksanakan hukuman *hudud* di negeri Kelantan (dibincangkan di bawah). Pihak berkuasa menyerbu pejabat mereka dan kemudian membebaskan semua wartawan itu dengan ikat jamin. Pada Julai 2015, pihak polis menyoal Ho Kay Tat atas penerbitan artikel yang mengkritik kontroversi 1MDB yang berkaitan dengan Perdana Menteri Najib. Selepas *The Malaysian Insider* terus menerbitkan artikel kritikal, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, sebuah badan kawal selia kerajaan, menghalang capaian kepada laman web berita berkenaan pada Februari 2016. Akibatnya, penerbit portal berita itu terpaksa menutup lamannya secara tetap beberapa minggu kemudian.

Mohd Ezra Mohd Zaid, seorang penerbit di ZI Publications, menghadapi tuduhan menerbitkan buku tentang Islam yang kerajaan negeri Selangor dan pihak berkuasa agama mendapati "bukan bersifat Islam". Pada September 2015, Mahkamah Persekutuan menolak percubaannya untuk mentaksahkan seksyen undang-undang Syariah Selangor yang menjadi dasar bantahan mereka. Perintah mahkamah tersebut bermakna Ezra akan didakwa di mahkamah Syariah. Dalam suatu lagi kes, pada April 2015, pihak berkuasa mendakwa Zunar, seorang pelukis kartun popular dan warga Malaysia, dengan sembilan tuduhan menghasut atas siri tweet yang mengkritik dakwaan kerajaan terhadap pemimpin pembangkang Anwar Ibrahim. Zunar, yang perbicaraannya sudah ditangguhkan beberapa kali, boleh menghadapi hukuman penjara sehingga 43 tahun. Eric Paulsen, seorang peguam hak asasi manusia dan warga Malaysia, juga menjadi sasaran pihak kerajaan. Pada Februari 2015, dia didakwa menghasut kerana mengkritik JAKIM. Dia kemudiannya ditahan pada Mac 2015 kerana membuat tweet yang mengkritik hukuman *hudud*. Walaupun dia dibebaskan dengan ikat jamin, pihak berkuasa masih terus menyoal dan mengganggunya selama tempoh yang dilaporkan.

Pengharaman Penggunaan Perkataan "Allah": Perbicaraan yang sudah berlangsung bertahun-tahun tentang penggunaan perkataan "Allah" dalam edisi Bahasa Malaysia sebuah surat khabar mingguan Katolik akhirnya tamat pada Januari 2015. Mahkamah Persekutuan menolak permintaan untuk mengkaji semula keputusannya pada 2014 yang mengesahkan pengharaman perkataan "Allah" dalam surat khabar tersebut. Satu lagi kes muncul pada Jun 2015 berkaitan dengan Mahkamah Rayuan, yang memerintahkan kerajaan Malaysia untuk memulangkan lapan CD Kristian kepada Jill Ireland, seorang penganut Kristian dari Sarawak. CD tersebut dirampas

daripadanya pada 2008 kerana ada tajuk lagu yang mengandungi perkataan "Allah". Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintah CD tersebut dikembalikan seawal Julai 2014, namun, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri enggan bekerjasama. Kemudian, Majlis Islam Wilayah Persekutuan, iaitu badan tempatan yang berkuasa ke atas hal-hal agama, memohon untuk mencelah dalam kes tersebut, sambil mendakwa ia mempunyai hak untuk mengawal selia warga bukan Islam. Keputusan Mahkamah Rayuan menolak permohonan yang dikatakan, dan melalui tindakannya mengesahkan perintah Mahkamah Tinggi untuk memulangkan CD itu. Walaupun begitu, Mahkamah Rayuan masih gagal menjawab soalan Cik Ireland tentang keberlembagaan penggunaan perkataan "Allah". CDnya dipulangkan pada September 2015.

Hukuman Hudud: Pada Mac 2015, Dewan Negeri Kelantan meluluskan rang undang-undang yang meminda kanun jenayah negeri untuk membenarkan *hudud* sekelompok hukuman jenayah Islam yang digariskan dalam Al-Quran dan Hadis (perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad). Jenayah yang boleh dihukum mengikut *hudud* termasuk murtad, fitnah, zina dan meminum arak. Hukumannya pula termasuk memotong anggota badan, merejam dengan batu dan sebatan. Ahli politik Kelantan berikhtiar untuk mengembangkan hukuman *hudud* ke seluruh negara, malah telah mendapat sokongan daripada beberapa pihak dalam UMNO. Datuk Othman Mustapha, ketua pengarah JAKIM, berkata bahawa hukuman *hudud* hanya akan dikenakan terhadap warga Islam. Kerajaan Negeri Kelantan dikawal oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang berkeras untuk melaksanakan hukuman *hudud*. Kedudukan ini menyumbang kepada perpecahannya daripada pakatan parti pembangkang, Pakatan Rakyat (PR), pada 2015. Para pengkritik yang bersuara tentang isu *hudud* termasuklah bekas Perdana Menteri Mahathir Mohamad, yang mengulas bahawa penyokong *hudud* menggalakkan penterjemahan Islam yang lebih tegas untuk meningkatkan pengaruh politik mereka sendiri.

Pengislaman Paksa dan Sistem Kehakiman: Mahkamah sivil kini meningkatkan kadar ia menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah Syariah, terutamanya dalam kes yang berkaitan dengan undang-undang keluarga. Ini membawa kesan yang negatif terhadap warga bukan Islam, yang menghadapi hak terjejas di bawah mahkamah Syariah dan tidak dibenarkan hadir sebagai saksi. Dalam suatu kes, Mahkamah Tinggi Ipoh memerintah bahawa pengislaman unilateral kanak-kanak oleh seorang ibu atau bapa tanpa kebenaran pasangannya tidak mengikut perlembagaan. Namun demikian, pada Disember 2015, Mahkamah Rayuan menterbalikkan perintah tersebut dan juga menentukan bahawa mahkamah Syariah mempunyai kuasa mutlak dalam hal-hal Islam. Tindakan ini mewujudkan duluan dari segi menamatkan peranan mahkamah sivil dalam kes keluarga yang salah satu daripadanya bukan Islam. Kes yang dibincangkan berkenaan dengan M. Indira Gandhi, seorang penganut Hindu yang bekas suaminya mengislamkan ketiga-tiga anak mereka tanpa pengetahuannya. Lebih mengelirukan lagi, dalam kes lain pada Februari 2016, Mahkamah Persekutuan menegaskan peranan mahkamah sivil dalam kes perundangan keluarga yang salah satu pihaknya bukan Islam. Mahkamah membahagikan hak menjaga penuh antara ibu dan bapa ke atas dua orang anak

mereka. Bapa dalam kes ini telah mengislamkan kedua-dua anaknya dan menculik anaknya yang lelaki. Akhirnya, mahkamah membenarkan pihak bapa kekal menjaga anak lelaki itu, sedangkan anaknya yang perempuan dibenarkan tinggal bersama ibunya.

Pada Oktober 2015, laporan muncul dari Sabah yang mendakwa penganut Kristian dipaksa memeluk agama Islam. Perdana Menteri Najib menafikan sebarang penglibatan kerajaan dalam dakwaan ini di khalayak ramai, dan menggalakkan individu yang dipaksa memeluk Islam untuk menghubungi Menteri Besar Sabah.

Krisis Pelarian Serantau: Pada Mei 2015, pihak berkuasa Malaysia telah menjumpai lebih 100 kubur yang dipercayai mengandungi penganut Islam Rohingya. Penemuan ini pada mulanya mengakibatkan Malaysia menolak penganut Islam Rohingya baru yang melarikan diri dari Myanmar. Namun begitu, lewat bulan Mei, Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk memberi perlindungan sementara kepada beribu-ribu pelarian sehingga satu tahun. Tempoh itu dianggap mencukupi untuk menempatkan semula mereka di negara pihak ketiga. Menjelang April 2015, lebih dari 46,000 penganut Islam Rohingya telah didaftar dengan UNHCR di Malaysia; UNHCR dilaporkan meminta kerajaan Malaysia untuk mengeluarkan permit kerja kepada mereka.

Dasar A.S.

Pada 2015, Malaysia mempengerusi Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN). Ketika melawat Malaysia untuk persidangan ASEAN 2015 di Kuala Lumpur, Presiden Barack Obama menghadiri persidangan meja bulat masyarakat sivil dan melawat pelarian, termasuk penganut Islam Rohingya dari Myanmar. Di samping itu, Presiden Obama mengadakan perjumpaan bilateral dengan Perdana Menteri Najib, dan kedua-dua pihak membincangkan kepentingan melawan ekstremis ganas, perjanjian perdagangan bebas serantau Perkongsian Trans-Pasifik, perubahan iklim, Laut China Selatan serta isu pembangunan umum. Dalam ulasan kepada orang ramai mengenai perjumpaan tersebut, Presiden Obama berkata, "Malaysia, seperti Indonesia, merupakan negara majoriti Islam yang menghormati toleransi dan keamanan." Setiausaha Negara John Kerry telah melawat Malaysia pada Ogos 2015 untuk Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN dan acara berkaitan.

Sepanjang 2015, Amerika Syarikat dan Malaysia telah berpakat untuk melaksanakan beberapa komponen Perkongsian Komprehensif bilateral yang dilancarkan pada 2014, termasuk isu seperti usaha antikeganasan dan antipertambahan senjata. Jabatan Negara telah mengeluarkan ulasan yang memuji dan mengkritik Malaysia sepanjang tahun. Ini termasuk memuji usaha Malaysia untuk membantu pelarian Islam Rohingya dan mengkritik had lebih ketat terhadap kebebasan bersuara, termasuk mengikut Akta Hasutan. Di persidangan meja bulat Januari 2015 dengan pihak media Malaysia, Naib Setiausaha Daniel R. Russel mengulas tentang peranan pemimpin agama dalam menentang "ideologi palsu yang memutarbelitkan ajaran agama untuk mencapai

matlamat politik jahat." Beliau juga menyentuh tentang kepentingan persekitaran politik yang toleran dan merangkumi semua.

Mengikut Jabatan Negara, Kedutaan A.S. di Kuala Lumpur sering bertukar pendapat dengan wakil kerajaan, pelbagai kumpulan agama serta masyarakat sivil tentang isu kebebasan beragama, termasuk toleransi agama, dialog dan persidangan meja bulat antara agama, serta pendidikan antara agama. Pada Julai 2015, Jabatan Negara mengeluarkan Laporan Pemerdagangan Manusia 2015 yang meningkatkan Malaysia dari Peringkat 3 – iaitu negara yang paling kurang mematuhi Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Manusia – ke Peringkat 2. Para pengkritik bertegas bahawa peningkatan tersebut tidak sepatutnya diberikan. Hanya beberapa bulan yang lalu, kubur ramai dijumpai di Malaysia yang dikaitkan kepada penyeludup dan pedagang haram yang mengambil kesempatan terhadap pelarian Islam Rohingya dari Myanmar dan pelarian dari negara lain.

Saranan

Had kebebasan beragama atau kepercayaan yang mempengaruhi minoriti bukan Islam dan bukan Islam Sunni adalah perkara utama dalam cabaran hak asasi manusia yang ditempuhi oleh Malaysia. Penyataan Malaysia sebagai negara Islam sederhana tidak disokong oleh tindakan-tindakannya. Aktiviti memanipulasikan perlembagaan dan Islam untuk mendapat pengaruh politik meningkatkan ancaman terhadap pelbagai hak asasi dan kebebasan. Amerika Syarikat dan masyarakat antarabangsa perlu menghadapi kerajaan Malaysia dengan isu ini. Juga, USCIRF menyarankan bahawa kerajaan A.S.:

- Memastikan bahawa hak asasi manusia dan kebebasan beragama diperbaiki secara konsisten dan terbuka pada setiap peringkat hubungan A.S.-Malaysia, termasuk dalam Perkongsian Komprehensif dan perbincangan lain berkenaan dengan tentera, perdagangan atau bantuan ekonomi dan keselamatan, serta dalam program yang menangani kebebasan bersuara dan pembangunan masyarakat sivil, antara lainnya, dan membuat tindakan susulan setelah perjanjian atau urusan janji dicapai, seperti Perkongsian Trans-Pasifik;
- Menekan kerajaan Malaysia untuk menjajarkan semua undang-undang dan polisinya mengikut standard hak asasi manusia antarabangsa, terutamanya berkenaan dengan kebebasan beragama atau kepercayaan, kebebasan berhimpun dan kebebasan penyataan agama, termasuk hak untuk menggunakan perkataan "Allah" dan memiliki bahan terbitan agama;
- Menggalakkan kerajaan Malaysia untuk menjadi pihak kepada Perjanjian Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Politik tanpa pengecualian;

- Merangsang kerajaan Malaysia untuk berhenti menangkap, menahan atau memaksa "pemulihan" individu yang mengambil bahagian dalam aktiviti agama aman, seperti aliran Islam Syiah, kumpulan Islam Ahmadiyya, Baha'i dan Al-Arqam, antara lain, dan untuk membebaskan tanpa syarat semua orang yang ditahan atau dipenjarakan atas dakwaan berkaitan; dan
- Mendorong kerajaan Malaysia untuk menubuhkan institusi bebas, seperti badan kehakiman, pejabat Peguam Negara dan agensi penguat kuasa undang-undang, serta menangani kekurangan hak asasi manusia dalam sistem kehakiman berganda sivil-Syariah untuk menjamin kebebasan beragama atau kepercayaan semua warga Malaysia, tidak kira asal usul etnik atau agama mereka.